

**KEMAHIRAN KOMUNIKASI BUKAN LISAN: SATU KAJIAN TERHADAP GURU
PELATIH BUKAN OPSYEN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB**
(Nonverbal Communication Skills: A Study Among Non-Option Trainee Teachers in Teaching
Arabic Language)

*Noor Shamshinar Zakaria¹, Nor Azhan Norul 'Azmi², Harun Baharudin²

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: shamshinar@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 11 June 2019

Accepted: 11 July 2019

Revised: 25 December 2019

Published: 31 December 2019

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 3, No. 2 (2019), 1-10

Abstrak

Kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang perlu dikuasai oleh setiap guru ketika melaksanakan aktiviti pengajaran. Komunikasi Bukan Lisan (KBL) telah dikenalpasti sebagai satu elemen dalam kemahiran mengajar yang membantu guru mempertingkatkan kualiti pengajaran serta minat dan motivasi murid. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka penguasaan guru pelatih bukan opsyen dalam kemahiran KBL dan amalannya dalam pengajaran Bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kualitatif yang dilaksanakan melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen sebagai instrumen. Peserta kajian melibatkan tujuh orang guru pelatih semester enam program Diploma Perguruan Pendidikan Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang sedang menjalani latihan praktikum di sekolah. Data dianalisis dengan menggunakan perisian NVIVO untuk mendapatkan tema-tema yang sesuai bagi menentukan kepentingan kemahiran KBL dalam pengajaran tersebut. Dapatan menunjukkan guru pelatih kurang menguasai kemahiran KBL ketika melaksanakan pengajaran Bahasa Arab. Implikasi kajian pula menjelaskan bahawa KBL seharusnya dijadikan elemen komunikasi yang wajib dikuasai oleh guru pelatih dan perlu diterapkan ke dalam program pendidikan guru. Satu kursus spesifik tentang KBL perlu dibina oleh pihak institusi yang menawarkan program pendidikan untuk guru pelatih semasa mereka mengikuti program perguruan tersebut. Kemahiran ini bukan sahaja dapat meningkatkan kompetensi guru pelatih dalam pengajaran Bahasa Arab malah memberi nilai tambah kepada mereka kerana Bahasa Arab bukan opsyen pilihan.

Kata kunci: Kemahiran KBL, Pengajaran Bahasa Arab, Guru Pelatih Bukan Opsyen, Nilai Tambah

Abstract

Communication skill is a vital element that every teacher needs to master when conducting teaching activity. Nonverbal communication (NVC) has been identified as an element in teaching skills that helps teachers to improve the quality of their teachings as well as the students' interest and motivation. Hence, this study is conducted to explore the mastery and practices of non-option trainee teachers in NVC skills in teaching Arabic. This study adopted a qualitative approach through observation and document analysis as the main instrument of the study. Seven participants from Islamic Education program at Selangor International Islamic University College were involved in this study. Those semester six trainee teachers are currently undergoing training at schools. The data was analyzed using NVIVO software to elicit appropriate themes in order to determine the importance of NVC skills in teaching. The finding showed that trainee teachers were lack of NVC skills while conducting Arabic teaching. The implication of the study suggests that NVC should be made as communication elements that must be mastered by trainee teachers and applied in teachers' training program. Also, a specific course on NVC needs to be designed by institutions that offer educational program out of their obligatory courses. This skill not only enhances the competency of non-option trainees in Arabic teaching but also becomes added value to them as Arabic is not their major program.

Keywords: Nonverbal Communication Skills, Arabic Teaching, Non-Option Trainee Teachers, Added Value

1.0 PENGENALAN

Komunikasi yang berkesan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Dalam pengajaran, kemahiran komunikasi merupakan salah satu elemen yang perlu dikuasai oleh guru dengan baik ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Penguasaan terhadap kemahiran komunikasi ini merupakan syarat mutlak bagi membantu guru menjalankan tugasnya dengan berkesan serta secara profesional. Kepentingan kemahiran ini kerana ia berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan supaya murid dapat mempelajari dan menguasai ilmu yang disampaikan dengan baik. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999) menegaskan pengajaran guru dianggap sebagai aktiviti berkomunikasi kerana ia meliputi perhubungan dan interaksi antara guru dan murid. Proses penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu supaya murid dapat mempelajari dan menguasainya dengan berkesan adalah satu aktiviti pengajaran yang berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi. Menurut Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) pula, salah satu aspek kemahiran ketika mengajar ialah kemahiran komunikasi yang merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai oleh setiap guru. Kesediaan guru terhadap penguasaan kemahiran komunikasi ini perlu sama ada bagi memenuhi keperluan mereka ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mahupun dalam interaksi sosial.

Selain itu, Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin (2017) turut menyatakan komunikasi dan interaksi dalam pengajaran seorang guru penting dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Melalui kemahiran komunikasi yang berkesan, guru dapat menarik minat murid terhadap pelajarannya kerana mereka akan berasa jalinan interaksi dua hala dan keperhatian guru. Guru yang pandai berkomunikasi akan dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang riang, tenang, dan menceriaikan. Walaupun guru perlu menguasai kedua-dua jenis komunikasi, iaitu komunikasi lisan dan bukan lisan (KBL), para sarjana pendidikan memandang peri pentingnya KBL berbanding komunikasi lisan dalam pengajaran guru terutama pengajaran di dalam kelas. Hal ini kerana kekerapan penggunaan KBL dalam komunikasi seharian menunjukkan bahawa seorang pendengar akan memberikan perhatian sebanyak 7 peratus kepada kandungan lisan, 38 peratus kepada perubahan nada suara dan 55 peratus lagi masanya kepada isyarat bahasa badan komunikasi. Secara keseluruhannya, 93 peratus tumpuan komunikasi adalah kepada mesej KBL (Nordin Halias et al., 2017).

Kendon (1981) menyatakan KBL ialah satu bentuk komunikasi yang mesejnya diambil daripada tingkah laku anggota badan dan gerak isyarat. Ia juga dirujuk sebagai bahasa badan iaitu bahasa perlakuan yang disampaikan melalui gerak badan, isyarat, jarak, prosodi atau nada suara, ekspresi dan orientasi wajah, postur, sentuhan, bau dan aspek ujaran lisan (*paralinguistic*) yang mempunyai maksud selain daripada apa yang dituturkan. Manakala menurut Al-Arini (2011), KBL sebagai semua tingkah laku yang dihasilkan oleh tubuh manusia sama ada yang disengajakan atau tidak, yang dihasilkan secara fitrah semula jadi atau dipelajari seperti pergerakan, anggukan, isyarat, perubahan riak wajah, penampilan imej, ragam dan perubahan nada suara yang boleh diterjemahkan sebagai mesej antara pengirim dengan penerima.

Umumnya, takrifan KBL membawa makna satu bentuk komunikasi tanpa kata atau lisan. Mesej KBL tidak dihantar atau diambil melalui kata-kata atau tulisan tetapi melalui saluran lain selain bahasa lisan seperti isyarat tangan, pandangan mata, ekspresi wajah dan mesej tersirat di sebalik nada suara atau intonasi percakapan. Meskipun wujud pelbagai pilihan, kajian ini akan menggunakan sepuluh saluran KBL sebagai fokus kajian. Sepuluh saluran ini dipilih kerana ianya menyeluruh dan telah diguna pakai oleh Richmond & McCroskey (2000) semasa mereka membincangkan saluran KBL guru dan disokong oleh Floyd (2009). Para pengkaji termasuk Richmond & McCroskey (2000) dan Floyd (2009) juga telah menggunakan istilah yang berbeza tetapi kesemuanya boleh disatukan kepada sepuluh saluran KBL sebagai mana dalam Jadual 1.0.

Jadual 1.0: Istilah Saluran KBL dalam Kajian

Bil	Istilah yang digunakan	Skop Kajian
1	Penampilan Fizikal	Berkenaan penampilan fizikal seseorang seperti pakaian
2	Kinesik	Berkenaan gerakan anggota badan seperti tangan dan kepala
3	Kronemik	Berkenaan penggunaan dan pengurusan masa
4	Haptik	Berkenaan sentuhan badan
5	Ekspresi wajah	Berkenaan ekspresi wajah yang diserlahkan
6	Okulesik	Berkenaan tenungan mata
7	Proskemik	Berkenaan jarak Antara individu semasa berkomunikasi
8	Paralinguistik	Berkenaan variasi suara seperti suara tinggi dan rendah
9	Artifaktual	Berkenaan persekitaran dan susun atur perabot
10	Olfatik	Berkenaan bau yang dipakai dan digunakan

Berdasarkan kepada definisi KBL dan kepentingannya dalam pengajaran, kemahiran KBL dilihat sebagai satu faktor yang dapat menjadikan pengajaran guru lebih berkesan kerana ia memberi impak yang sangat besar terhadap pembelajaran murid. Mengikut Al-Syahlub (2005) berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang ada kaitan dengan pengajaran, didapati Rasulullah SAW telah menggunakan KBL untuk memudahkan pengajaran baginda, di mana bertujuan menambah kejelasan dan menguatkan perkataan, menarik perhatian, menanamkan kefahaman dan meringkaskan penerangan dengan merujuk melalui menunjuk cara. Malah, Al-Syahlub (2005) sekali lagi menyarankan agar guru memanfaatkan gerak geri badan untuk mewujudkan pengajaran berkesan. Stella Muchemwa (2013) menyatakan amalan KBL dalam pengajaran bukan sahaja meningkatkan daya tarikan guru ketika di dalam bilik darjah malah dapat membantu guru menguruskan bilik darjah. Kajian yang dilakukan oleh Nordin Halias (2016) pula mendapati guru Bahasa Arab yang menerapkan KBL dalam pengajaran dapat meningkatkan motivasi, minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Walaupun demikian, kajian berkaitan KBL dalam pengajaran umumnya dan pengajaran Bahasa Arab khususnya masih kurang diberi perhatian oleh para pengkaji. Beberapa pengkaji lepas yang menjalankan kajian mengenai KBL dalam pengajaran dan pembelajaran ialah Syed Abdillah Syed Kamaruddin (2003), "*Corak Berkomunikasi Bukan Verbal di Kalangan Pelajar-pelajar Bermasalah Pembelajaran di Sekolah Menengah di Daerah Raub*", Muhammad Azhar Zailani (2007), "*Aktiviti Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah*", Nur Shafrin Ahmad (2009), "*Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan dalam Kalangan Guru Pelatih*", Sarah Sabir Ahmad, Farah Merican Isahak Merican, Intan Nazrenee Ahmad dan Rosliza Md Zani (2010), "*The Relationship of Nonverbal Communication Cues and Student Satisfaction*" dan Nordin Halias (2016), "*Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Agama*".

Oleh itu, kajian ini dikemukakan untuk mengenalpasti penguasaan kemahiran KBL dalam kalangan guru pelatih bukan opsyen ketika melaksanakan pengajaran bahasa Arab. Kajian ini juga ingin mengenal pasti sejauhmana guru pelatih bukan opsyen mengamalkan kemahiran KBL dalam pengajaran Bahasa Arab. Kajian ini memfokuskan kepada guru pelatih bukan opsyen Bahasa Arab memandangkan wujudnya perbezaan antara mereka dengan guru opsyen dalam latihan ikhtisas, malah tanggungjawab mengajar Bahasa Arab adalah sama semasa mereka melaksanakan pengajaran di bilik darjah.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti amalan kemahiran KBL dalam kalangan guru pelatih bukan opsyen dalam pengajaran Bahasa Arab.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif. Dalam kajian ini, perkara yang dikaji ialah tentang amalan guru pelatih bukan opsyen Bahasa Arab dalam mengamalkan kemahiran KBL semasa pengajaran.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada tujuh orang guru pelatih, iaitu empat lelaki dan tiga perempuan daripada program Diploma Perguruan Pendidikan Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Peserta ini sedang berada di semester 6 pengajian dan sedang menjalani latihan PRAKTIKUM di sekolah. Pemilihan peserta kajian berdasarkan kepada ras atau kumpulan yang sama iaitu, peserta kajian telah didedahkan lebih awal mengenai kemahiran KBL yang perlu diamalkan semasa sesi pengajaran sebelum mereka memulakan latihan di sekolah. Kesemua peserta terdiri daripada guru pelatih di bawah penyeliaan yang sama dan telah diberi taklimat mengenai amalan KBL berbanding pelatih di bawah seliaan yang lain. Peserta juga merupakan guru pelatih yang melaksanakan pengajaran Bahasa Arab di sekolah yang berbeza.

4.0 ANALISIS DATA

Prosedur analisis data berdasarkan pemerhatian di dalam bilik darjah dan analisis terhadap catatan yang dilakukan semasa pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab. Setiap data yang diperolehi dianalisis mengikut

tema atau saluran KBL yang dipraktikkan semasa pengajaran berlangsung. Dapatan akan menunjukkan amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab guru pelatih bukan opsyen tersebut.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Melalui pemerhatian dan analisis catatan yang dilakukan semasa sesi penyeliaan pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih bukan opsyen, amalan kemahiran KBL guru pelatih tersebut telah dikenalpasti semasa langkah permulaan pengajaran sehingga langkah terakhir. Di antara catatan yang dilakukan terhadap amalan kemahiran KBL guru pelatih ini adalah seperti berikut:

Jadual 1.0: Amalan kemahiran KBL guru pelatih bukan opsyen

Bil	Langkah Pengajaran	Catatan/Komen
1.	Permulaan Pengajaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wajah guru serius. 2. Guru memberi salam tanpa melihat murid. 3. Guru hanya berada di meja guru semasa berdialog dengan murid. 4. Perbualan antara guru dan murid terlalu terhad. 5. Soalan guru kepada murid terikat dengan dialog yang dihafal oleh guru dalam bahasa Arab. 6. Suasana PdPc kurang aktif. 7. Guru hanya menyoal murid yang berada di bahagian hadapan kelas sahaja. 8. Guru tidak memberi respon kepada jawapan murid yang betul seperti perkataan “<i>bagus!</i>” anggukkan atau tanda betul. 9. Terdapat murid yang belum bersedia untuk sesi pembelajaran (ada yang bermain, bercakap dengan rakan dan melihat ke luar tingkap) 10. Suara guru mendatar (tiada nada atau intonasi yang sesuai). 11. Penyampaian guru kurang menarik perhatian murid (terdapat murid yang bermain, memandang keluar bilik darjah, murid kelihatan bingung apabila disoal serta bertanya rakan di sebelah tentang jawapan apabila ditanya oleh guru).
2.	Set Induksi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru tidak mahir mengaitkan bahan bantu mengajar dengan tajuk dengan baik (guru teragak-agak semasa memberi penerangan dengan menggunakan BBM serta kekok, seolah-olah tidak melakukan persediaan yang rapi terhadap bahan yang ingin digunakan). 2. Sebahagian pelajar tidak faham soalan yang diajukan oleh guru mengenai gambar yang ditunjukkan (ada murid yang ditanya tidak menjawab soalan dengan tepat kerana tangan guru memberi isyarat kepada gambar yang pelbagai (bukan menunjukkan kepada satu gambar untuk satu arahan soalan). 3. Guru lebih selesa menggunakan arahan soalan dalam bahasa Melayu (sepatutnya guru menggunakan cara menyebut bahasa Arab yang mudah seperti menggunakan intonasi suara yang berbeza-beza atau suku kata). 4. Interaksi guru dan murid tidak memberangsangkan (guru kelihatan kaku). 5. Guru tidak memberi respon terhadap jawapan murid. 6. Tiada kata-kata pengukuhan atau pujian bagi jawapan murid yang betul. 7. Terdapat murid yang tidak memberi perhatian ketika guru menyoal tentang tajuk yang diajar (guru tidak menggunakan isyarat tangan untuk menyoal seseorang murid). 8. Terdapat murid yang masih terpinga-pinga terhadap pengajaran guru (hal ini kerana apabila guru mengajukan soalan kepada murid yang sedang bercakap-cakap dengan rakan di sebelahnya). 9. Terdapat murid yang masih bermain-main. 10. Guru tidak membantu jawapan murid yang kurang tepat, malah terus mengatakan ‘<i>salah!</i>’.
3.	Langkah 1	<ol style="list-style-type: none"> 1. Suara guru kurang jelas kedengaran di bahagian belakang. 2. Guru terlalu bergantung kepada buku teks dan catatan yang ditulis pada kertas. 3. Mata guru kurang memandang murid ketika menyebut perkataan yang diajar. 4. Mata guru kurang memandang murid ketika menerang, malah lebih

		<p>tertumpu kepada papan putih.</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Guru kerap membelakangi murid ketika mengajar. 6. Pergerakan guru hanya di bahagian hadapan kelas sahaja. 7. Arahan guru kepada murid untuk membaca perkataan kurang bersemangat. 8. Guru tidak menggunakan teknik ulangan perkataan yang sama dan berbeza intonasi bagi menjelaskan sebutan yang betul serta memudahkan murid menyebut perkataan. 9. Penggunaan perkataan yang sama oleh guru dalam nada mendatar.
4.	Langkah 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru tidak memberi arahan terlebih dahulu kepada murid sebelum menjawab latihan bertulis. 2. Terdapat murid yang menconteng kertas yang diberi oleh guru. 3. Guru tidak memberi contoh jawapan kepada latihan yang diberi. 4. Terdapat murid yang tidak tahu untuk menjawab sekaligus leka bertanya kepada rakan di sebelah. 5. Guru tidak menyatakan tempoh masa untuk menjawab latihan. 6. Murid tidak dapat menjawab sepenuhnya apabila masa untuk menjawab latihan tamat. 7. Guru tidak berbincang jawapan bersama-sama murid supaya mereka tahu jawapan yang salah sekiranya ada. 8. Guru meminta murid menghantar latihan kepada guru tanpa berbincang jawapan terlebih dahulu. 9. Guru tidak memberi semangat kepada murid yang lemah semasa menjawab latihan dan tidak juga memberi pujian kepada murid yang berjaya menjawab dengan baik.
5.	Penutup Pengajaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru tidak memberi peluang kepada murid untuk merumuskan pelajaran yang dipelajari dengan bantuan guru. 2. Guru memberi peluang kepada murid untuk menyatakan satu persatu perkataan yang dipelajari pada hari ini. 3. Guru tidak mengakhiri kelas dengan ucapan yang mesra dan meninggalkan keseronokkan kepada murid.

Bagi amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab, dapatan menunjukkan guru pelatih masih kurang mempraktikkan KBL ketika mengajar Bahasa Arab. Terdapat tujuh elemen KBL yang telah dikenalpasti menjadi permasalahan dalam kalangan guru pelatih bukan opsyen dalam pengajaran Bahasa Arab, iaitu:

a) Penampilan Fizikal (berkenaan penampilan fizikal seseorang seperti pakaian)

Penampilan fizikal tidak menjadi masalah utama kepada amalan KBL dalam kalangan guru pelatih kerana mereka telah didedahkan dengan etika pemakaian semasa mengikuti kuliah dan kelas tutorial. Guru pelatih mempunyai penampilan diri yang baik, berpakaian yang sesuai dan terdapat pemakaian mereka yang menarik dan sesuai dengan tajuk yang diajar. Namun, terdapat dua orang guru pelatih lelaki yang tidak memakai pakaian dengan kemas serta tidak menguruskan rambut dengan rapi. Hal ini menunjukkan mereka kurang peka dan kurang memahami kesan pengaruh penampilan diri dan implikasi KBL dalam pengajaran mereka. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “guru tak masukkan baju ke dalam seluar”
 Catatan 2 : “rambut tidak berminyak., nampak kering..”
 Catatan 3 : “seluar singkat (berfesyen dan casual)..”

b) Kinesik (berkenaan gerakan anggota badan seperti tangan, kepala dan cara berjalan atau berdiri)

Hasil pemerhatian mendapati guru pelatih masih kurang melakukan pergerakan seperti tangan dan badan ketika menerangkan isi pelajaran kepada pelajar. Mereka masih kaku menggunakan anggota badan, malu dan kurang mahir menonjolkan pergerakan-pergerakan yang sesuai bagi menarik perhatian pelajar. Mereka

masih kurang mahir untuk menggerakkan bahagian-bahagian anggota badan seiring dengan percakapan ketika menyampaikan penerangan kepada pelajar. Sedangkan percakapan yang seiring dengan pergerakan badan dapat membantu kefahaman pelajar dan menarik perhatian mereka terhadap apa yang disampaikan oleh guru seperti gerak isyarat menunjukkan ibu jari sebagai tanda “OK” dan melambai tangan sebagai tanda memanggil pelajar untuk ke hadapan. Terdapat enam daripada tujuh peserta yang tidak menunjukkan gerakan anggota bagi kemahiran KBL ini. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “gaya guru menerang terlalu statik..kaku..tiada pergerakan tangan atau anggota badan yang lain..”
- Catatan 2 : “guru hanya memandang nota atau dialog ketika menerang..tunduk..kaku.”
- Catatan 3 : “guru hanya berdiri di bahagian hadapan sahaja dan pandangan guru kurang kepada pelajar sebaliknya tertumpu pada buku teks di tangan”
- Catatan 4 : “guru kelihatan segan untuk beraksi seperti pengucap awam seperti yang dipelajari sebelum ini..”
- Catatan 5 : “guru kerap memandang papan putih semasa menerang dan tangan diletakkan di belakang badan”

c) Kronemik (berkenaan penggunaan dan pengurusan masa)

Pemerhatian terhadap penggunaan masa dan pengurusan masa seperti aktiviti set induksi yang mengambil masa 2-3 minit sahaja tidak dapat digunakan dengan tepat. Guru pelatih tidak dapat melakukan aktiviti yang sesuai dengan tajuk dan kurang mahir memberi kefahaman kepada pelajar tentang apa yang ditunjukkan semasa set induksi. Hal ini menyebabkan guru terpaksa mengambil masa yang lama untuk menjelaskan sesuatu kepada pelajar sehingga pelajar betul-betul mengetahui tajuk yang akan diajar oleh guru. Guru juga telah mengambil masa untuk meneruskan langkah yang seterusnya. Guru semestinya peka dalam pengurusan masa dalam pengajaran di dalam kelas.

Selain itu, guru pelatih kurang meluangkan masa melayan soalan yang diajukan oleh pelajar. Guru lebih menumpukan kepada penyampaian isi pelajaran di hadapan kelas tanpa mengendahkan soalan tersebut. Sedangkan penilaian interaksi antara guru dan pelajar ditentukan dengan cara seseorang guru sanggup meluangkan lebih masa untuk melayan pelajar seperti memberi jawapan kepada soalan yang diajukan pelajar kepadanya. Kesemua daripada tujuh peserta kajian gagal menepati masa yang diperuntukkan untuk set induksi. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “set induksi terlalu lama, pelajar tidak faham apa yang disoal oleh guru”
- Catatan 2 : “soalan yang disoal guru pada set induksi tak sesuai dengan tajuk..pelajar tak dapat meneka dengan tepat..guru ulang semula soalan yang sama walaupun soalan tersebut pelajar tidak tahu”
- Catatan 3 : “ada pelajar dapat meneka tajuk dengan betul tapi guru tidak mendengar jawapan tersebut..”

d) Haptik (berkenaan sentuhan badan)

Haptik merujuk kepada maksud sentuhan badan seperti memegang, membimbing, menepuk dan memeluk yang memberi mesej positif. Ia bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik antara guru dengan murid dalam pengajaran. Namun, amalan inilah yang jarang dilakukan oleh guru untuk menunjukkan tanda prihatin dan kasih sayang guru terhadap muridnya seperti memegang tangan murid untuk menulis dengan betul ataupun mendekati murid untuk membimbing murid menyiapkan aktiviti yang diberi. Diperhatikan, hanya dua orang guru perempuan bertindak untuk melakukan haptik, manakala selebihnya masih lemah berbuat demikian. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “guru membiarkan pelajar berbincang sesama mereka dalam aktiviti kumpulan”
- Catatan 2 : “guru sepatutnya membimbing pelajar yang lemah..mendekati dan membantu pelajar menjawab soalan yang diberi dengan betul..bukan membiarkan mereka..”
- Catatan 3 : “tiada langsung kemesraan antara guru dengan pelajar semasa mengajar..guru terikat dengan dialog..”
- Catatan 4 : “guru tidak memberi kata-kata semangat kepada murid lemah atau menepuk tangan untuk galakan kepada jawapan yang betul..”

e) Ekspresi Wajah (berkenaan ekspresi wajah yang diserlahkan)

Hasil catatan banyak menunjukkan guru masih kurang menampakkan keceriaan dan senyuman ketika mengajar Bahasa Arab. Muka guru menunjukkan mereka berada dalam keadaan stress dan tidak selesa kerana sedang memikirkan beberapa perkataan yang akan digunakan ketika berinteraksi dengan murid. Hampir separuh peserta kajian menunjukkan riak wajah takut semasa pemerhatian. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “guru sepatutnya memberi senyuman ketika memasuki kelas atau ketika memulakan kelas”
 Catatan 2 : “pengajaran guru tidak ceria..guru seolah-olah sedang berfikir sesuatu..dahi guru berkerut”
 Catatan 3 : “senyuman jarang dilemparkan oleh guru sebagai tanda setuju dengan jawapan murid..”
 Catatan 4 : “mimik muka guru tidak membayangkan makna sebenar dalam penerangan dan perkataan yang diungkapkan.”
 Catatan 5 : “guru menunjukkan muka garang yang tidak disenangi kepada sebilangan murid yang tidak memberi perhatian..”

f) Proksemik (berkenaan jarak antara individu semasa komunikasi)

Jarak antara guru dan pelajar terlalu jauh ketika menyampaikan pelajaran terutama terhadap pelajar di bahagian belakang. Guru tidak mengendahkan sama ada suaranya didengari oleh pelajar atau tidak. Pergerakan guru terhad di hadapan sahaja. Pengajaran guru lebih berpusatkan guru sahaja. Didapati hanya seorang peserta sahaja yang berkomunikasi dengan cara proksemik dengan baik. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “guru hanya berada di bahagian hadapan saja, tiada pergerakan guru seperti ke belakang atau kanan ke kiri..”
 Catatan 2 : “guru menjarakkan diri daripada murid, tidak berdiri di sisi murid dan bercakap pada kadar yang jauh ketika membimbing kumpulan semasa aktiviti.. guru tidak mendekati kumpulan”
 Catatan 3 : “pergerakan anggota badan kurang, guru tidak meninjau murid ketika aktiviti berkumpul..terdapat kumpulan yang tidak memahami aktiviti yang guru arahkan..”
 Catatan 4 : “guru tidak memastikan sama ada murid membawa buku atau tidak pada hari ini”

g) Paralinguistik (berkenaan variasi suara seperti suara tinggi dan rendah)

Guru masih malu untuk melakukan aktiviti pergerakan suara seperti nada dan intonasi yang dapat memberi kesan kejutan mahupun keseronokan kepada pelajar ketika mengajar. Terdapat sebutan guru yang terlalu cepat ketika menyebut sesuatu perkataan sehingga sukar difahami pelajar. Penggunaan suara seperti “mmm, aaaa dan umm” yang terlalu kerap mengganggu kelancaran penerangan guru. Antara catatan semasa pemerhatian ialah:

- Catatan 1 : “guru kerap menyebut perkataan yang kurang jelas...”
 Catatan 2 : “suara guru mendatar... tiada nada dan intonasi yang sesuai”
 Catatan 3 : “ada pelajar yang kelihatan bosan... tiada tarikan pada suara guru”

6.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Penguasaan kemahiran KBL dalam kalangan guru pelatih bukan opsyen dalam pengajaran Bahasa Arab perlu dipandang serius memandangkan KBL adalah salah satu elemen dalam kemahiran mengajar. Penggunaan KBL yang berterusan dalam proses pengajaran bahasa sangat bertepatan dengan bahasa sasaran tersebut. Pengajaran bahasa asing seperti bahasa Arab memerlukan kemahiran KBL supaya pembelajaran Bahasa Arab menjadi lebih seronok dan menarik minat pelajar terhadap bahasa tersebut (Nordin Halias, 2016).

Guru perlu mempunyai persediaan yang cukup seperti ilmu dan kemahiran mengajar ketika mengendalikan sesi PdPc. Sebagai contoh, apabila berkomunikasi, guru bukan sahaja mencari perkataan yang tepat untuk menyampaikan makna tetapi boleh menggabungkan elemen-elemen lain seperti intonasi, pertembungan mata (*eye-contact*) dan komunikasi bukan lisan bagi memberikan kesan maksimum semasa proses PdPc. Selain itu, guru yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dapat mengesan dan memahami

tingkah laku murid melalui tindak balas bukan lisan serta menjadi interaksi yang berlaku sepanjang proses PdPc di dalam bilik darjah (Kauffman, Mostert, Trent dan Hallahan, 1998).

Guru seharusnya perlu kepada pendedahan baharu terhadap strategi pengajaran, terutama yang melibatkan komunikasi dan interaksi bukan lisan. Perkembangan pendidikan bahasa Arab juga memerlukan kualiti pengajaran guru. Kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai oleh setiap guru ketika melaksanakan aktiviti pengajaran. Amalan KBL telah dikenalpasti sebagai suatu elemen dalam kemahiran mengajar yang membantu guru memperkasakan kualiti pengajaran mereka seperti merangsang emosi serta meningkatkan daya intelek murid.

Justeru, sebagai seorang guru yang bertanggungjawab mengendalikan pengajaran bahasa (walaupun guru bukan opsyen), mereka perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai KBL supaya PdPc dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam bilik darjah. Terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat oleh seorang guru ketika mengamalkan kemahiran KBL seperti:

- a) Postur badan yang baik merupakan perkara penting yang perlu ada pada diri seorang guru. Hal ini kerana postur yang baik akan membantu pernafasan yang membolehkan udara keluar dan masuk dengan baik. Apabila bernafas, seseorang guru itu akan dapat menghasilkan suara dengan baik kerana udara bergerak lancar. Guru juga hendaklah berdiri dalam keadaan tegak semasa berada di dalam bilik darjah. Ini dapat menunjukkan tenaga dan minat guru untuk mengajar. Postur yang melengkung menunjukkan seseorang guru penat dan tidak mengambil kisah terhadap murid-muridnya. Postur yang baik akan memudahkan guru itu menyampaikan isi pengajaran dengan baik dan berkesan di hadapan murid-murid. Demikian, penerapan terhadap postur atau gestur tubuh seorang calon guru akan memastikan keterampilan semasa mengajar (Ketut Adnyana Putra, 2016).
- b) Teknik mimik muka juga merupakan perkara penting bagi seorang guru. Mimik muka membantu guru menyampaikan isi pengajaran dengan berkesan supaya perasaannya dirasai oleh murid. Ekspresi muka yang sesuai dapat mempengaruhi fokus dan minat murid terhadap penyampaian guru dan menunjukkan bahawa guru mengambil berat terhadap murid semasa berinteraksi. Sekiranya guru masuk ke bilik darjah dalam keadaan riak wajah yang hambar, beliau akan menyebabkan situasi pembelajaran turut hambar. Manakala apabila guru masuk ke bilik darjah dengan wajah yang bengis, murid tentu akan memberikan reaksi yang negatif terhadap riak wajah yang sedemikian. Tetapi jika guru masuk ke dalam bilik darjah dengan wajah yang ceria, ini akan membawa respons positif kepada murid (Abdul Rahim Abd Rashid, 2001).
- c) Pergerakan dan kedudukan guru semasa PdPc di dalam bilik darjah harus dikendalikan dengan baik. Guru hendaklah bergerak dan berlegar-legar di setiap sudut bilik darjah semasa melakukan perbincangan dengan murid agar mereka dapat merasai penglibatan mereka dalam perbincangan tersebut. Guru perlu berjalan menuju ke arah murid semasa bercakap walaupun hanya selangkah. Ia boleh memberi kesan yang positif terhadap murid dan mendorong mereka untuk menghormati pendirian guru secara tunjuk ajar fizikal terhadap apa yang ingin diperkatakan. Sekiranya guru memberi sesuatu tempoh masa kepada murid untuk menyiapkan latihan yang diberi, guru perlu mengelak daripada menyilang tangan seperti berpeluk tubuh dan isyarat fizikal lain yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Pengawasan kelas, menghadapi murid pasif dan tidak memberi perhatian juga antara masalah utama semasa PdPc oleh calon guru (Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof dan Mohd Isha Awang, 2016) yang perlu diberi perhatian serius.
- d) Dalam PdPc, guru perlu memberi maklum balas terhadap murid sekiranya mereka bersuara dengan memberikan senyuman atau mengangguk sebagai tanda menghargai dan mendengar apa yang diperkatakan oleh murid. Motivasi (intrinsik atau ekstrinsik) adalah faktor penting dalam pembelajaran efektif kerana ia berkaitan dengan konsep sendiri dan keperluan peribadi, ini termasuk pujian, pengiktirafan dan kelulusan daripada guru yang boleh memenuhi keperluan kepada peningkatan estimasi diri murid (Mohammed Sani Ibrahim, 2013). Guru perlu juga mengekalkan pandangan mata terhadap murid semasa bercakap dan memastikan pandangan mata guru selalu bertembung dengan semua murid di dalam bilik darjah kerana ini dapat menunjukkan bahawa guru sentiasa memberi perhatian kepada mereka.
- e) Guru harus mementingkan penampilan diri yang menarik dari segi pemilihan pakaian. Guru yang memakai baju berkedut akan memberi gambaran bahawa guru tersebut seorang yang selekeh atau pemalas. Menurut Mohammad Shatar, Jasni Sabri dan Azli Mohamed (2006),

perwatakan guru merangkumi keadaan fizikal guru yang kemas atau tidak kemas. Seseorang guru yang mempunyai perwatakan yang menarik juga harus pandai menjaga kebersihan diri, yang mana ia dapat dilihat melalui pakaian dan pengurusan diri guru tersebut sama ada guru seorang yang pembersih atau tidak mempedulikan tentang kebersihan dirinya. Oleh itu, semua guru harus sentiasa berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri dalam menunjukkan perawakan dan perwatakan yang baik dan sesuai dalam menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan.

Memandangkan kurangnya amalan guru pelatih dalam kemahiran KBL ketika melaksanakan pengajaran Bahasa Arab, dapatan kajian memberi implikasi bahawa KBL haruslah dikuasai oleh guru pelatih dan perlu diterapkan ketika proses pengajaran dan pembelajaran dalam program pendidikan guru. Satu kursus spesifik tentang KBL perlu dikendalikan dalam kalangan guru pelatih semasa mengikuti program perguruan bagi meningkatkan kemahiran ini dalam kalangan bakal guru di Malaysia. Selain itu, inisiatif diri daripada guru-guru sendiri, inisiatif dan sokongan daripada pentadbiran sekolah serta pihak-pihak yang terlibat amat diperlukan dalam meningkatkan amalan KBL dalam pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru Pendidikan Islam agar ia menjadi nilai tambah ke arah keberkesanan sebagai seorang pendidik.

7.0 PENUTUP

Kepentingan KBL dalam sesuatu pengajaran perlu diberi perhatian serius kerana ia merupakan satu bidang komunikasi yang berkaitan dengan aktiviti atau proses penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Dalam pengajaran bahasa Arab, kemahiran KBL merupakan satu strategi untuk menilai tahap kefahaman murid dan menarik minat murid terhadap bahasa tersebut. Justeru, KBL perlu dijadikan amalan berterusan dalam kalangan guru pelatih dalam menghadapi pengajaran Bahasa Arab bagi menarik minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan meningkatkan keupayaan mereka dalam penguasaan bahasa Arab yang baik. Amalan KBL yang berkesan dan berterusan sudah pasti membantu guru pelatih yang bukan opsyen ini dalam pengajaran Bahasa Arab serta memberi keyakinan diri yang tinggi memandangkan subjek ini bukan opsyen mereka.

8.0 RUJUKAN

- Abdul Rahim Abd Rashid. (2001). Cabaran Profesionalisme Perguruan dalam Era K-Ekonomi [Challenges for Teaching Professionals in the K-Ekonomi Era]. *Masalah Pendidikan*, 24, hlm. 53-72.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1999). *Komunikasi Untuk Guru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof & Mohd Isha Awang. (2016). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar dan Masalah yang dihadapi Guru-guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 599-608 ISSN. 2548-6160 International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Al-Arini, A.B.A.B.S.A.A. (2001). *Mada Tawafur Maharat Al-Ittisal Ghair Al-Lafziah Lada Hai'ati Al-Tadris Fi Kulliyati Al-Ulum Bi Jaamiati Al-Qasim Min Wajhati Nazari Al-Talabah*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Denmark: Akademi Pengajian Arab: Denmark.
- Canan P. Zeki. (2009). *The Importance of Non-verbal Communication in Classroom Management*. World Conference on Educational Sciences 2009. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 1 (2009) 1443-1449.
- Floyd, K. (2009). *Interpersonel Communication* (2nd ed.). New York: Mc Graw Hill Inc.
- Gholipour A. (2007). *Pathology of teacher-student relationship from the perspective of teachers and secondary students in the city of Parsabad*. Ardbil: Department of Education Ardebil; Persian.
- Hashim Deraman, Suhaimi Yusof, Ruslei Abdullah & Shaari Nawawi. (2002). Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Dalam A.B.B. Sulaiman Md. Yasin, Mohd Salleh Lebar. (Ed), *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications.

- Hassan Basri. (2005). *Daripada Tradisi ke Inovasi dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Dilema Pelaksanaannya dalam Pedagogi Merentas Kurikulum*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kauffman, J.M., Mostert, M.P., Trent, S.C. dan Hallahan, D.P. (1998). *Managing Classroom Behavior : A Reflective case-based Approach* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Kendon, A. (1981). *Nonverbal Communication: Interaction and Gesture*. The Hague: Mouton Publisher.
- Ketut Adnyana Putra. (2016). Memantapkan Penerapan Gestur Calon Guru Dalam Pembelajaran Untuk Meningkatkan Keterampilan Mengajar Pada Mata Kuliah *Micro Teaching* Mahasiswa Semester VI PGPAUD UNDIKSHA. *Jurnal Santiaja Pendidikan*, Vol 6 No 2.
- McCroskey, J. C., & Richmond, V. P. (2000). *Nonverbal Behavior In Interpersonal Relations* (4th ed.) BOSTON: Allyn & Bacon.
- Mohammad Shatar, Jasni Sabri dan Azali Mohamed. (2006). *19 Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah , Ramli Basri & Shafie Mohd Daud. (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohammed Sani Ibrahim. (2013). Peranan Guru Kanan Mata Pelajaran Dalam Mempertingkatkan Kualiti Pengajaran Guru-guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil 1 Isu 1.
- Mok Soon Sang. (2009). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Kompenen 3 : Profesionalisme Keguruan Sekolah Rendah)*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Naffi Mat. (2011). *Dilema Guru: Kerjaya yang Saya Pilih Bukan Kerana Dipilih*. Kuala Lumpur : PRIN-AD SDN. BHD
- Noor Shamshinar Zakaria. (2016). *Cabaran Guru Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Beberapa Sekolah Rendah Agama Di Daerah Hulu Langat Selangor*. Monograf. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. UKM, Bangi Selangor
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Ipta Di Utara Semenanjung Malaysia 4T(Communication Skill among Undergraduate Students of Education in Northern Malaysia), *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 44-56.
- Stella Muchemwa. (2013). *Use of Nonverbal Communication in the Classroom as a Way of Enhancing Classroom Teaching: A Case Study of Solusi High School, Zimbabwe*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 103 (2013) 1279 – 1287. 13th International Educational Technology Conference.